

UMPSA sedia 17 bas bagi 600 pelajar balik kampung sambut Aidilfitri

Oleh **Asrol Awang** - April 7, 2024 @ 4:06pm
bhnews@bh.com.my



Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) menyediakan 17 bas kepada 600 pelajar untuk pulang ke kampung bagi menyambut Aidilfitri. - Foto UMPSA

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) menyediakan 17 bas kepada kira-kira 600 pelajar untuk pulang ke kampung bagi menyambut Aidilfitri.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, ia membabitkan perjalanan ke sembilan destinasi iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Terengganu, Johor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Katanya, ia juga hasil kerjasama pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan tajaan anak negeri untuk pulang ke kampung bermula semalam dan kelmarin.

"Program ini adalah acara tahunan dan apabila menjelang hari perayaan sebagai tanda keprihatinan dalam menjaga kebajikan pelajar serta meringankan beban mereka untuk pulang berhari raya bersama keluarga tercinta," katanya.

Pada masa sama, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) menaja lima bas untuk membawa pulang pelajar UMPSA secara percuma yang terdiri daripada anak-anak Johor di bawah kendalian Sekretariat Anak-Anak Johor (Iskandar).

Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor menaja dua bas kepada pelajar dari Selangor di bawah Persatuan Mahasiswa Selangor Nasional (PERMAS NASIONAL) dan satu bas dikendalikan Sekretariat Himpunan Mahasiswa Kelantan (SEHIMSAK).

Sementara itu, Yang Dipertua MPP UMPSA, Muhammad Haykal Halid berkata, program penghantaran pelajar balik kampung atau 'Moh Pulang Beraya' adalah program yang bagus untuk meringankan beban pelajar UMPSA pulang ke kampung halaman masing-masing.

"MPP juga mengambil maklum mengenai tiket bas terhad dan tiket ETS sudah mulai habis awal sejak 19 Mac lalu, maka inisiatif ini pastinya meringankan beban pelajar dengan kadar tiket yang murah antara RM10 dan RM35 mengikut destinasi," katanya.

Bagi Muhamad Izwari Yahdi, inisiatif UMPSA disokong kerana meringankan beban pelajar mendapatkan pengangkutan bas untuk pulang dengan harga tiket yang murah iaitu RM35 berbanding RM80 harga asal tiket ke Perlis.